

Newspaper : **Utusan Malaysia**  
Date : **27th November 2010**  
Title : **LEP: Dua syarikat terpilih**  
Section : **Bisnes** Page : **26**

## Jadi kontraktor utama bina sambungan Laluan Kelana Jaya, Ampang

# LEP: Dua syarikat terpilih

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**  
bisnes@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 26 Nov. – Dua syarikat bumiputera terpilih sebagai kontraktor utama untuk membina dan menyiapkan Pakej A iaitu projek sambungan LRT (LEP) masing-masing bagi Laluan Kelana Jaya dan Ampang bernilai hampir RM2 bilion.

Dua syarikat terbabit adalah Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. yang dilantik melaksanakan projek bagi laluan Kelana Jaya manakala

Bina Puri Holdings Bhd. (BPHB)-Tim Sekata JV memperoleh kontrak bagi laluan Ampang.

Kedua-duanya dipilih menerusi proses tender terbuka bermula November tahun lalu daripada sejumlah 119 kontraktor Kelas A yang layak memohon dan melalui beberapa saringan sebelum disenarai pendek sehingga dipelawa mengemukakan bidaan.

Syarikat Prasarana Negara Bhd. (Prasarana) juga akan melantik beberapa subkontraktor untuk kerja-kerja sokongan di bawah Pakej A termasuk pembinaan stesen dan tempat letak

kereta bertingkat.

Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Shahril Mokhtar dalam kenyataan hari ini memberitahu LEP Laluan Kelana Jaya sepanjang 17 kilometer (km) akan menelan belanja RM950 juta manakala sambungan Laluan Ampang membatalkan kos RM634,639,089.11.

Beliau turut mengumumkan pelantikan UEM Builders Bhd.-Intria Bina Sdn. Bhd. JV sebagai subkontraktor yang bertanggungjawab menyediakan *Segmental Box Girder* (SBG) bernilai RM93,160,367.41 da-

lam tempoh 21 bulan.

Pembinaan LEP Laluan Kelana Jaya dijadual mengambil masa 30 bulan manakala Laluan Ampang dijangka siap dalam tempoh 27 bulan.

Projek keseluruhan Laluan Kelana Jaya melibatkan sambungan landasan sepanjang 17 kilometer dari stesen Kelana Jaya ke Putra Heights di Puchong melalui 13 stesen.

Pakej A adalah dari Stesen Kelana Jaya ke Summit (Stesen 7) sepanjang 9.2 km manakala Pakej B menjangkau dari Stesen 7 ke Stesen Putra Heights sejauh 7.8 km.

Skop projek Laluan Ampang pula melibatkan sambungan dari Seri Petaling ke Putra Heights sejauh 17.7 km dengan 13 stesen baru. Ia juga dibahagikan kepada dua pakej iaitu Pakej A dari Stesen Seri Petaling ke Stesen 5 sejauh 7.4 km sebelum bersambung sehingga ke Putra Heights sepanjang 10.3 km lagi di bawah Pakej B.

Putra Heights akan menjadi stesen pertukaran yang menghubungkan kedua-dua laluan.

Dalam pada itu, tender bagi Pakej B untuk kedua-dua laluan dijangka dibuka pada pertengahan tahun depan.

From : Group Corporate Communication Department  
Date : 30th November 2010  
Subject : Bina Puri News Update

**“FOR STAFF INFORMATION & UPDATES”**